

Headline	Ayam mentah RM6 seekor!		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	7	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	569 cm ²
Journalist	HIDAYAH HAIROM	AdValue	RM 12,063
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,189



Ayam mentah RM6 seekor!

Program Jalinan Mesra Peladang 2019 tawar pelbagai produk

HIDAYAH HAIROM

BATU CAVES

Lebih 2,000 ekor ayam mentah ditawarkan pada harga RM6 seekor sempena Program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selangor di sini semalam.

Jualan di bawah jenama Peladang itu menjadi salah satu tarikan antara 50 gerai pameran dan jualan pada program yang julung kali diadakan di Lembah Klang itu.

Pengarah Pembangunan Peladang, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Abu Sujak Sahuji berkata, tawaran istimewa itu dihadkan dua ekor ayam untuk seorang bagi membolehkan lebih ramai pengunjung

berpeluang menikmati promosi berkenaan.

“Ayam tersebut telah diberi sifat biasanya dijual dengan harga RM12 seekor, namun sempena program ini, kita tawarkan dengan separuh harga.

“Kami menyasarkan jualan minimum sebanyak 2,000 hingga 2,500 ekor ayam untuk tempoh dua hari program ini.

“Selain itu, terdapat juga jualan produk-produk keluaran jenama Peladang yang lain melibatkan input pertanian, benih tanaman, makanan ternakan, minyak enjin kenderaan dan produk-produk makanan jenama Peladang,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, pelbagai jenis anak pokok yang ditawarkan dengan harga serendah RM18 setiap satu turut dijual, selain pelbagai produk lain dan gerai makanan.

Abu Sujak berkata, kira-kira 4,000 pengunjung dijangka mengunjungi program selama dua hari itu dan acara kemuncak adalah perasmian program oleh Ahli Parlimen Port Dickson,



FOTO: ZAHID IZZANI

Reruai yang menjual pokok tanaman pada Program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selangor.

Datuk Seri Anwar Ibrahim pada jam 10 pagi hari ini.

“Nafas juga membuka kaunter untuk pendaftaran keahlian dan permohonan Dana Peladang Kebangsaan. Kini terdapat seramai 900,000 ahli Peladang di seluruh negara dan kita mahu capai sasaran sehingga sejuta ahli,” katanya.

Program Jalinan Mesra Peladang anjuran Nafas berlangsung bermula jam 10 pagi hingga 10 malam.

Program berkenaan mendapat kerjasama agensi kerajaan dan swasta yang turut mengadakan pameran, jualan serta kaunter khidmat pelanggan, antaranya Majlis Perbandaran Selangor (MPS), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Lembaga Pemasaran Pertanian



Fauziah dan Zulkeplee membeli produk yang ditawarkan pada harga istimewa sempena Program Jalinan Mesra Peladang 2019 semalam.

bertermakan Maulidur Rasul In-Kebangsaan (FAMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Perniagaan dan Keusahawanan Selangor, Persatuan Pengurusan Usahawan Islam & Acara Majlis serta Yayasan Ikhlas.

Program Jalinan Mesra Peladang sebelum ini lebih tertumpu di kawasan luar bandar dan telah diadakan di Johor, Kedah dan Pahang.



Produk Nafas yang laris terjual pada Program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selangor.

Kebangsaan (FAMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Perniagaan dan Keusahawanan Selangor, Persatuan Pengurusan Usahawan Islam & Acara Majlis serta Yayasan Ikhlas.

Turut berlangsung semalam ialah Forum Perdana 2019 yang